

## LATIHAN KARANGAN

### KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

NAMA :

KELAS :



Berdasarkan karangan di bawah, sila isikan perkataan yang sesuai di dalam ruangan yang dikosongkan.

**Peranan ibu bapa dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak**

Dalam meniti arus kemodenan hari ini, sukar untuk kita melihat golongan kanak-kanak dan remaja yang gemar untuk . Hal ini disebabkan oleh lambakan teknologi mudah alih yang membekalkan permainan dan video interaktif di atas talian. Kemudahan dari segi masa dan akses telah membuatkan golongan anak-anak hari ini lebih gemar untuk menggunakan telefon bimbit secara maya berbanding melakukan aktiviti yang lebih berfaedah seperti membaca. Alasannya adalah kerana membaca memerlukan minda untuk berfikir dan membosankan berbeza daripada permainan secara maya di telefon bimbit yang . Anak-anak boleh dianggap sebagai kain putih dan ibu bapa adalah insan yang bertanggungjawab mencorakkan kehidupan mereka samada menjadi manusia yang berguna atau tidak di masa akan datang. Oleh itu, ibu dan bapa memainkan penting bagi memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

Bagi menghuraikan peranan ibu bapa dalam memupuk anak-anak, ingin saya tegaskan bahawa ibu dan bapa perlu sedar bahawa keputusan untuk mendirikan dan mempunyai zuriat adalah amanah dan tugas yang perlu dilaksanakan dengan ikhlas. Kejayaan negara bergantung kepada kejayaan masyarakat yang dibina atas hasil dan asuhan yang bermula daripada ibu bapa di rumah.

## LATIHAN KARANGAN

### KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Justifikasinya, ibu dan bapa sendiri perlu membudayakan amalan membaca di rumah agar menjadi tauladan kepada anak-anak. Peribahasa Melayu berkata, ke mana kuah kalau tidak ke nasi yang bermaksud tabiat dan perilaku anak-anak mencerminkan kelakuan ibu bapa mereka. Maka, ibu dan bapa boleh memperuntukkan masa untuk di waktu terluang seperti sebelum waktu tidur untuk membaca bersama anak-anak selama satu jam atau lebih. Rutin yang dilakukan dengan ikhlas, pasti akan memberikan hasil yang baik.

Selain daripada itu, anak-anak memerlukan dalam membuat sesuatu perkara. Oleh itu, kunjungan ke pesta atau pameran buku pasti dapat membantu memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak. Hal ini demikian kerana pengumuman pesta buku sejak akhir-akhir ini dilaksanakan dengan meriah dan kaya dengan pelbagai aktiviti menarik. Bukan itu sahaja, pengunjung juga berpeluang membawa hadiah-hadiah menarik dan menerima potongan harga untuk pembelian buku di pameran tersebut. Inisiatif yang berbeza ini mungkin dapat membantu anak-anak untuk mencambah minat mereka terhadap membaca. Tambahan pula, kunjungan ke pameran buku membolehkan kita untuk melihat pelbagai jenis bahan bacaan yang dipamerkan. Setiap buku pasti mengandungi ilmu-ilmu yang berfaedah. Natijahnya, ibu dan bapa perlu bijak dengan memberikan ruang kepada anak-anak untuk memilih bahan bacaan yang diminati seterusnya mereka ke arah pembacaan yang lebih baik daripada pembacaan mereka sebelum ini.

# P DPR BAHASA MELAYU

## LATIHAN KARANGAN

### KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Kesinambungan daripada kunjungan ke pesta atau pameran buku, golongan ibu dan bapa seharusnya memberikan mereka pilihan bahan bacaan yang pelbagai. Sebagai contoh, seorang anak gemar untuk mendapatkan buku yang mempunyai banyak imej dan gambaran visual berbanding penulisan maka anda perlu membimbing mereka dengan memperkenalkan bahan bacaan yang mempunyai intipati yang sama tetapi lebih informatik seperti buku dekorasi perumahan atau pelancongan. Dengan observasi seperti ini, secara tidak langsung kita dapat minat mereka seterusnya mendedahkan kepada mereka terhadap bidang-bidang yang mungkin mereka ceburi menjelang dewasa kelak. Kepada ibu dan bapa yang dikurniakan anak-anak yang gemar membaca, variasikan bahan bacaan mereka dari segi bahasa. Penguasaan bahasa seperti bahasa Inggeris adalah penting dan mampu menjadi nilai tambah dalam diri mereka di masa akan datang.

Seterusnya, jika anak-anak enggan dan sukar untuk dipupuk membaca bahan bacaan secara fizikal, ibu dan bapa boleh berkongsi dengan mereka artikel-artikel secara atas talian. Langkah ini sedikit sebanyak akan membuatkan anak-anak untuk membaca hanya menggunakan telefon pintar mereka. Pelbagai jenis artikel dan jurnal yang boleh dikongsikan mengikut tahap dan perkara yang sesuai dengan anak-anak. Tamsilnya, artikel menarik seperti ulasan sukan yang diminati bersama boleh dikongsikan kepada anak dan meminta pendapat mereka terhadap sukan atau atlet yang dibincangkan dalam artikel tersebut. Secara tidak langsung, perkongsian ini dapat membawa kepada tahap antara anak dan ibu atau bapa ke peringkat yang lebih baik dan matang.

# PDPR BAHASA MELAYU

## LATIHAN KARANGAN

### KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Kebanyakan artikel yang diperoleh secara atas talian adalah ringkas tetapi padat dengan infomasi yang ingin diketengahkan berbeza dengan pembacaan buku fizikal yang penuh dengan huraian. Oleh itu, pembacaan ringkas tetapi bermakna juga mampu memberikan hasil yang baik serta memupuk anak-anak untuk mengamalkan pembacaan samada secara fizikal atau maya.

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan di atas, jelaslah bahawa ibu dan bapa berperanan besar untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak. Peribahasa Melayu berkata bapa , anak rintik yang bermaksud sifat seseorang anak tidak jauh bezanya dengan sifat orang tuanya. Maka ibu dan bapa perlu sentiasa melakukan paradigma untuk menjadi manusia yang lebih baik daripada hari semalam seterusnya menjadi suri tauladan terbaik untuk anak-anak di rumah. Bangsa membaca adalah bangsa berjaya, cogan kata ini perlu dijadikan slogan kepada setiap ahli masyarakat bagi menghasilkan masyarakat yang progresif dan terbaik. Sekiranya generasi kita kaya dengan amalan baik seperti membaca demi menambah imu pengetahuan, pasti negara berpotensi untuk maju bersama dan bersaing dengan negara-negara lain di masa akan datang.